


BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI**SPM2004**

1. Pernyataan berikut merujuk kepada suatu masalah kos lepas.

Output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih output yang paling menguntungkan.

Unit ekonomi yang manakah mengalami masalah kos lepas itu?

- A. Seorang suri rumah
 - B. Tuan punya sebuah kilang
 - C. Kementerian Pertanian Malaysia
 - D. Perbadanan Pembangunan Infrastruktur Negara
2. Rajah di bawah menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang diperlukan untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan.



Y ialah satu daripada sumber tersebut.

Apakah ganjaran yang diberi kepada penyumbang Y?

- A. Upah
 - B. Sewa
 - C. Faedah
 - D. Untung
3. Jadual 1 menunjukkan dua barang X dan Y keluaran suatu firma.

Kaedah Pengeluaran	Barang X (unit)	Barang Y (unit)
M	100	25
N	80	40
P	50	60
Q	30	75

Tingkat pengeluaran bergantung kepada kaedah pengeluaran yang digunakan. Jika pengurusan firma itu mengambil keputusan mengubah kaedah pengeluaran daripada kaedah P kepada kaedah Q, berapa unitkah barang X terpaksa dilepaskan untuk mengeluarkan 75 unit barang Y?

- A. 25
 - B. 20
 - C. 30
 - D. 45
4. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan Syarikat Z.

Syarikat Z mengeluarkan minyak masak dengan menggunakan kaedah intensif modal bagi kegunaan industri makanan ringan

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Z?

- I Apakah yang hendak dikeluarkan?
- II Berapakah yang hendak dikeluarkan?
- III Untuk siapa hendak dikeluarkan?
- IV Bagaimanakah hendak dikeluarkan?

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

5. Berikut adalah perbualan antara rakyat dua negara, X dan Y:

"Dinegara saya, pengguna adalah raja. Saya bebas memilih barang yang dikehendaki"
- Rakyat Negara X

"Oh! Bagusnya. Pengguna di negara saya tiada hak untuk memilih"
- Rakyat Negara Y

Berdasarkan perbualan itu, apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara X dan Negara Y?

	Negara X	Negara Y
A	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi Islam
B	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi kapitalis
C	Sistem ekonomi kapitalis	Sistem ekonomi perancangan pusat
D	Sistem ekonomi Islam	Sistem ekonomi campuran

6. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan suatu sistem ekonomi:

- Wujud persaingan harga dan bukan harga antara firma
- Masalah ekonomi diselesaikan melalui mekanisme harga


Pihak yang manakah berkuasa membuat keputusan dalam sistem ekonomi itu?

- I Pemerintah
 - II Pengguna
 - III Pengeluar
 - IV Pemilik faktor
-
- A. I, II, dan III
 - B. I, II, dan IV
 - C. I, III, dan IV
 - D. II, III, dan IV

SPM2005

1. Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan apabila melaksanakan sesuatu projek?
- A. Memaksimumkan kos pengeluaran
 - B. Memaksimumkan kepuasan pengguna
 - C. Memaksimumkan kebijakan masyarakat
 - D. Mengikut keutamaan dan dilaksanakan apabila perlu

2. Gambar 1 ialah iklan promosi jualan kereta.



Gambar 1

Apakah jenis barang dalam iklan itu?

	Kereta	Telefon bimbit
A	Barang ekonomi	Barang ekonomi
B	Barang ekonomi	Barang percuma
C	Barang awam	Barang ekonomi
D	Barang awam	Barang percuma

3. Antara berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri barang ekonomi?

- A. Kos lepas sifar
- B. Penawarannya terhad
- C. Disediakan oleh kerajaan
- D. Digunakan oleh semua orang

4. Encik Zahari menanam 300 batang pokok rambutan di atas tanah seluar 10 hektar dengan menggunakan teknik pertanian moden.

Dalam situasi di atas beliau dapat menyelesaikan masalah

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Berapa yang hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

5. Apakah sistem ekonomi yang menggunakan mekanisme harga untuk menentukan jenis barang yang dikeluarkan?

- I Sistem ekonomi kapitalis
 - II Sistem ekonomi perancangan pusat
 - III Sistem ekonomi campuran
 - IV Sistem ekonomi Islam
- A. I, II, dan III
 - B. I, II, dan IV
 - C. I, III, dan IV
 - D. II, III, dan IV

III Agihan barang
IV Jenis barang

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

4. Berikut adalah maklumat tentang Syarikat Kasturi

Syarikat Kasturi mengeluarkan 1 000 bungkus rempah sehari dengan menggunakan mesin yang diimport dari India.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Kasturi?

1. Antara yang berikut, ciri yang manakah membezakan barang ekonomi dengan barang awam?

- I Bayaran
 - II Kos lepas
 - III Kuantiti penawaran
 - IV Pihak yang mengeluarkan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

I Apa yang hendak dikeluarkan
II Bagaimana hendak dikeluarkan
III Untuk siapa hendak dikeluarkan
IV Berapa yang hendak dikeluarkan

2. Berikut adalah ciri satu barang.

- Penawaran terhad
- Mempunyai kos lepas
- Boleh digunakan oleh semua orang


Apakah contoh barang itu?

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

5. Apakah kebaikan sistem ekonomi kapitalis?

- A. Kebajikan rakyat terjamin
- B. Wujud persaingan yang adil
- C. Individu bebas membuat pilihan
- D. Harga barang keperluan terkawal

6. Kawasan berlorek menunjukkan persamaan ciri sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi Islam.



Apakah ciri tersebut?

- A. Memaksimumkan keuntungan
- B. Wujud persaingan antara firma
- C. Harga ditentukan oleh kerajaan
- D. Mengutamakan kebajikan rakyat

3. Antara yang berikut, yang manakah merujuk kepada 'untuk siapa hendak dikeluarkan' dalam penyelesaian masalah asas ekonomi?

- I Agihan pendapatan
- II Penentuan kualiti

SPM2007


1. Ilmu ekonomi mengkaji bagaimana manusia menggunakan sumber ekonomi yang
 - A. terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad.
 - B. tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.
 - C. terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.
 - D. tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.

2. Pernyataan berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Kekurangan faktor pengeluaran mewujudkan pilihan

Matlamat pilihan tersebut dibuat untuk memaksimumkan

- A. keluaran
 - B. kepuasan
 - C. kebijikan
 - D. keuntungan
-
3. Gambar 1 menunjukkan dua contoh barang dalam ekonomi.



Gambar 1

Apakah persamaan ciri kedua-dua barang tersebut?

- I Penawaran terhad
 - II Melibatkan kos lepas
 - III Disediakan oleh kerajaan
 - IV Ada pengecualian penggunaan
-
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

4. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu situasi dalam ekonomi.

Penternak-penternak ayam telah menambahkan bilangan pekerja untuk meningkatkan pengeluaran pada musim perayaan bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah dapat diatasi dalam situasi tersebut?

- I Apakah barang yang hendak dikeluarkan
- II Berapakah barang yang hendak dikeluarkan
- III Bagaimanakah barang hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapakah barang dikeluarkan

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara A	Negara B
Firma bebas membuat pilihan mengeluarkan output	Firma bebas membuat pilihan tetapi dikawal oleh peraturan dan undang-undang
Firma memaksimumkan keuntungan	Firma memaksimumkan keuntungan manakala kerajaan memaksimumkan kebijikan

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara A dan Negara B?

	Negara A	Negara B
A	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi Islam
B	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi kapitalis
C	Sistem ekonomi kapitalis	Sistem ekonomi campuran
D	Sistem ekonomi Islam	Sistem ekonomi perancangan pusat

SPM2008


1. Apakah tujuan individu membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?

- A. Mengutamakan barang kehendak
- B. Memaksimumkan perbelanjaan
- C. Memaksimumkan kepuasan
- D. Mengutamakan keselesaan

2. Usahawan menerima ganjaran untung kerana

- I membenarkan orang lain menguruskan untungnya.
 - II menangguhkan perbelanjaannya pada masa sekarang.
 - III kecekapannya menyelaraskan sumber ekonomi
 - IV sanggup menanggung risiko.
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

3. Gambar 1 menunjukkan satu contoh kumpulan barang dalam ekonomi.



Pernyataan yang manakah berkaitan dengan ciri kumpulan barang tersebut?

- A. Kos lepas sifar
- B. Penawarannya tidak terhad
- C. Dikeluarkan oleh kerajaan
- D. Dikenakan bayaran

4. Golongan kaya berupaya memperoleh lebih banyak barang dalam sistem ekonomi kapitalis berbanding golongan miskin. Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan?

- A. Apakah barang yang dikeluarkan
- B. Bagaimana barang dikeluarkan
- C. Berapa barang yang dikeluarkan
- D. Untuk siapa barang dikeluarkan

5. Pasangan yang manakah benar?

	Sistem Ekonomi	Ciri-ciri
A	Sistem ekonomi perancangan pusat	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna bebas membuat pilihan • Kebajikan masyarakat diutamakan
B	Sistem ekonomi kapitalis	<ul style="list-style-type: none"> • Harga ditentukan oleh mekanisme harga • Sumber ekonomi dikawal penuh oleh kerajaan
C	Sistem ekonomi campuran	<ul style="list-style-type: none"> • Harga ditentukan oleh mekanisme harga dan dikawal oleh kerajaan • Sumber ekonomi dimiliki sepenuhnya oleh firma
D	Sistem ekonomi Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud persaingan sihat • Kebajikan masyarakat dititikberatkan